



23 Mei 2014
23 May 2014
P.U. (A) 142

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) 2014

CREDIT REPORTING AGENCIES (REGISTRATION) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN, PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMBATALAN
PERAKUAN PENDAFTARAN

Bab 1 – Pendaftaran Agensi Pelaporan Kredit

2. Permohonan pendaftaran
3. Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar
4. Pengeluaran perakuan pendaftaran

Bab 2 – Pembaharuan Perakuan Pendaftaran

5. Pembaharuan perakuan pendaftaran
6. Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar
7. Pengeluaran perakuan pendaftaran yang diperbaharui

Bab 3 - Pengubahan atau Pembatalan Syarat atau Sekatan

8. Permohonan untuk mengubah atau membatalkan syarat atau sekatan

Bab 4 – Pembetulan Perakuan Pendaftaran

Peraturan

9. Pembetulan perakuan pendaftaran

Bab 5 – Notis kepada Pendaftar

10. Notis kepada Pendaftar

Bab 6 – Pembatalan Pendaftaran

11. Pembatalan pendaftaran

BAHAGIAN III
KUASA PENDAFTAR

12. Kuasa untuk mengubah, menambah atau membatalkan syarat atau sekatan
13. Pelanjutan masa

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENDAFTARAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(a) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi Pelaporan Kredit (Pendaftaran) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN, PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMBATALAN
PERAKUAN PENDAFTARAN

Bab 1 – Pendaftaran Agensi Pelaporan Kredit

Permohonan pendaftaran

2. (1) Suatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah dikemukakan dalam dua salinan bersama dengan dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Pemohon hendaklah membayar fi bagi permohonan untuk pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pendaftar boleh mengetepikan apa-apa dokumen yang dinyatakan dalam butiran A Jadual Pertama kecuali bagi subbutiran (a) hingga (d).

(4) Pendaftar hendaklah memproses permohonan bagi pendaftaran secepat yang dapat dilaksanakan setelah menerima semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, termasuk apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

Perkara yang perlu diputuskan oleh Pendaftar

3. (1) Pendaftar hendaklah, berhubung dengan suatu permohonan pendaftaran, memutuskan perkara yang berikut:

- (a) sama ada pemohon layak untuk memohon untuk didaftarkan di bawah subseksyen 13(1) Akta;
- (b) sama ada pemohon mempunyai keupayaan untuk mematuhi syarat dan sekatan yang akan dikenakan dan memenuhi obligasi di bawah Akta;
- (c) sama ada terdapat keperluan bagi mengenakan syarat atau sekatan tambahan kepada syarat dan sekatan seragam yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pendaftar sebagai perlu dan suai manfaat demi kepentingan industri pelaporan kredit.

(2) Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan untuk disampaikan keputusan untuk mendaftarkan pemohon atau menolak permohonan untuk pendaftaran kepada pemohon secepat yang dapat dilaksanakan.

Pengeluaran perakuan pendaftaran

4. (1) Perakuan pendaftaran hendaklah dikeluarkan kepada pemohon setelah fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibayar.

(2) Agensi pelaporan kredit yang kepadanya perakuan pendaftaran telah dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada syarat dan sekatan seragam sebagaimana yang